

**PARLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIKHAMIS : 10 NOVEMBER 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8 HINGGA 43)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

peperiksaan kendalian sekolah iaitu Ujian Bulanan 1, Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun atau Peperiksaan Percubaan. Tujuan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menggunakan SAPS adalah untuk memantau perkembangan pencapaian setiap murid di semua sekolah rendah dan menengah seluruh negara secara berterusan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian maklum bahawa terdapat sedikit masalah teknikal di peringkat awal pelaksanaan SAPS ini, namun telah dapat diatasi dengan menambah bilangan *server* dan mengoptimumkan prestasi setiap *server* berkenaan serta membuat penambahbaikan pada sistem SAPS itu sendiri.

KPM mengambil langkah secara teliti setelah mengambilkira dapatan kajian rintis di tiga (3) buah negeri iaitu Kedah, Perak dan Negeri Sembilan pada bulan April dan Mei 2011 lalu . Susulan daripada kajian rintis tersebut, KPM telah mengeluarkan Surat Siaran bertarikh 7 Jun 2011 untuk melaksanakan SAPS di seluruh negara. Walau bagaimanapun, KPM memberi tempoh transisi kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan pihak sekolah untuk beralih kepada SAPS sepenuhnya sehingga penghujung tahun 2011.

Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengadakan taklimat kepada semua JPN, PPD dan Setiausaha Peperiksaan di sekolah-sekolah pada Jun sehingga Julai 2011 untuk memberi pendedahan serta latihan kepada semua yang terlibat membuat pengisian SAPS secara “hands-on”.

Bagi memastikan sistem penyampaian lebih berkesan, surat siaran tersebut telah dimuatnaik ke laman sesawang NKRA untuk memudahkan pihak sekolah membuat rujukan. Selain itu, Kementerian juga merancang untuk mengadakan taklimat bagi kali kedua kepada semua Pengarah Pelajaran Negeri, Pengetua dan Guru Besar setelah membuat penambahbaikan ke atas SAPS berdasarkan aduan yang diterima daripada semua pihak.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MD.SIRAT BIN ABU
[BUKIT KATIL]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2011

SOALAN

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status pelepasan gas rumah hijau negara dan sejauh manakah penglibatan pihak swasta dalam membantu melaksanakan dasar ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) negara pada tahun 2000 ialah 223.1 juta tan karbon dioksida setara (*carbon dioxide equivalent* - CO₂equivalent), tahun 2005 ialah 279.2 juta tan CO₂equivalent dan tahun 2007 ialah 292.9 juta tan CO₂equivalent.

Sektor swasta memang memainkan peranan dalam usaha-usaha untuk

mengurangkan pelepasan GHG melalui pelbagai cara. Antaranya adalah dengan melaksanakan projek-projek di bawah Protokol Kyoto yang dinamakan sebagai Mekanisme Pembangunan Bersih (Clean Development Mechanism - CDM). Dengan melaksanakan projek CDM, syarikat-syarikat swasta ini akan memperolehi *Certified Emission Reductions* (CERs) yang kemudiannya dijual kepada negara-negara maju. Sehingga kini sebanyak 101 projek dari Malaysia telah pun didaftarkan sebagai projek CDM.

Di samping CDM, pihak Kementerian bersama dengan Syarikat Penerbangan Malaysia (Malaysia Airlines) juga telah melaksanakan satu skim ofset karbon sukarela atau lebih dikenali sebagai *Voluntary Carbon Offset Scheme* (VCOS). Melalui program ini, pelanggan, penumpang dan syarikat-syarikat yang menggunakan perkhidmatan *Malaysia Airlines* boleh membayar harga ofset karbon daripada setiap penerbangan mereka. Kutipan ofset ini akan digunakan untuk aktiviti, projek dan program yang membabitkan pemuliharaan dan penjagaan hutan di Hutan Paya Gambut Pahang Tenggara (South-East Pahang Peat Swamp Forest) di Pekan, Pahang.

Di samping *Malaysia Airlines*, syarikat-syarikat seperti PETRONAS dan PROTON turut mempunyai program-program di dalam melaksanakan tindakan bagi mengurangkan pelepasan GHG.

Sebagai contoh, PETRONAS melaksanakan projek-projek seperti kecekapan tenaga (*energy efficiency*), *reduction of flaring and venting of associated gases*, dan menggunakan kuasa yang dijana melalui sistem *cogeneration* (*utilising power from cogeneration systems*).

Syarikat PROTON pula terlibat di dalam pembangunan *roadmap* Kenderaan Elektrik Fasa 2 yang kini sedang dirangka oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN:1()

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH)

TARIKH

10 NOVEMBER 2011

SOALAN

**TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan kadar zat dan racun yang terkandung dalam beras putih tempatan dan beras putih import. Apakah risiko dan kesan kesihatan kepada pengguna. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan beras yang dimakan oleh rakyat adalah berkhasiat dan bebas daripada racun.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mutu dan standard beras di Malaysia dan di negara lain adalah lebih memberi tumpuan kepada penggredan beras. Kadar zat beras dan racun tidak dinyatakan dalam spesifikasi untuk penggredan beras. Walau bagaimanapun, kajian MARDI menunjukkan kandungan utama beras kisar adalah karbohidrat iaitu sekitar 80%, kandungan protein sekitar 9% dan kandungan lemak adalah sekitar 0.4%. Peratus atau kadar zat pemakanan beras adalah bergantung pada beberapa faktor. Antaranya adalah jenis varieti padi, faktor agronomi, penggunaan input pertanian dan juga proses semasa pengilangan beras atau darjah pengilangan.

Kajian Penentuan Aras Residu Insektisid Organoklorin Di Dalam Beras dan Pokok Padi di Barat Laut Selangor oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2011 menunjukkan tidak terdapat kesan residu racun makhluk perosak dalam beras yang dijual di pasaran tempatan. Memandangkan beras adalah makanan ruji dan merupakan salah satu komposisi utama dalam diet pemakanan sihat bagi rakyat di negara ini, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan mengadakan kempen kesihatan agar mengamalkan pengambilan beras perang memandangkan beras perang adalah beras kasar yang mempunyai lapisan dedak yang kaya dengan vitamin , mineral dan serat.

Selain itu, input pertanian seperti baja dan racun makhluk perosak dikawal dan mempunyai ciri-ciri mesra alam antaranya menggalakkan penggunaan baja organik dan mengamalkan kawalan makhluk perosak secara biologi seperti melepaskan itik ke kawasan sawah bagi memakan siput gondang emas pada peringkat selepas pembajakan.

langkah yang perlu diambil oleh penggerak projek adalah meliputi peringkat kerja tanah, peringkat pembinaan dan peringkat operasi. Antara langkah-langkah ini termasuk:-

- i. kawalan hakisan dan kelodakan di tapak projek seperti pemasangan *double-layered silt curtain*, *silt fence* dan *silt trap* untuk mengawal kelodakan;
- ii. penyediaan *sand bund* yang dilapisi geotekstil sebelum aktiviti pengepaman pasir dilaksanakan; dan
- iii. pembinaan Sistem Rawatan Effluen Perindustrian Berpusat bagi memastikan kesemua effluen perindustrian terolah dari industri-industri yang akan dibangunkan disalurkan terlebih dahulu ke sistem rawatan berpusat ini sebelum ianya dilepaskan ke sungai berhampiran, dan hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Pemeriksaan berkala sentiasa dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan pematuhan ke atas syarat-syarat kelulusan laporan EIA bagi projek ini. Mulai tahun 2009 juga, JAS telah menjalankan pemeriksaan secara penyelaman ke atas *silt curtain* bagi memastikan ianya sentiasa berkeadaan baik bagi mengawal penyerakan kelodakan.

Tindakan diambil ke atas penggerak projek sekiranya berlaku ketidakpatuhan di tapak pembangunan tersebut. Sehingga kini, pihak JAS Johor telah mengeluarkan 15 Notis Arahan, satu (1) kompaun dan satu (1) tindakan mahkamah ke atas penggerak-penggerak projek ini disebabkan kegagalan mematuhi syarat-syarat yang

ditetapkan.

Dengan pelaksanaan kesemua langkah kawalan yang digariskan tersebut, pencemaran alam sekitar ke atas kawasan yang berhampiran termasuk Tanjung Piai dapat diminimumkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: (2?)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

**TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH

10 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk mengiktiraf semua pihak yang menentang penjajah British sebagai pejuang kemerdekaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini berpendapat penulisan sejarah kemerdekaan negara yang sedia ada telah mengiktiraf sumbangan pelbagai golongan yang telah dikenal pasti sebagai pejuang kemerdekaan. Namun, menyedari bahawa sejarah merupakan tulisan manusia yang harus diperbaiki mana-mana fakta yang tidak tepat, maka dialu-alukan para sejarawan tampil menulis bagi tujuan penambahbaikan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran]

TARIKH 10 November 2011 (Khamis)

SOALAN

13

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mempertingkatkan infrastruktur pengangkutan di negeri Sabah, khususnya penambahbaikan kepada lapangan terbang di kawasan pedalaman Sabah untuk membolehkan kapal terbang yang lebih besar menggunakannya memandangkan jumlah penumpang yang semakin meningkat.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk dua (2) projek, iaitu Kajian Kemungkinan untuk Lapangan Terbang Lahad Datu dan Kajian Pelan Induk untuk STOLPort yang termasuk Kudat, Long Pasia dan Semporna di bawah RMK-10 untuk mempertingkatkan infrastruktur lapangan terbang di Sabah. Sebarang keputusan untuk pembangunan lapangan terbang akan berdasarkan kepada hasil kajian tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DAT O' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN

(PENGKALAN CHEPA)

TARIKH 10 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

menyatakan tentang perkembangan kelahiran anak di luar nikah dan pembuangan bayi mengikut bangsa dan negeri sehingga 30 Jun 2011, setelah usaha-usaha pencegahan dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) memandang serius akan masalah kelahiran anak luar nikah atau anak tak sah taraf dan pembuangan bayi. Bagi menangani kedua-dua masalah sosial ini, kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak seperti agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, ahli akademik dan anggota masyarakat adalah diperlukan.

Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), bilangan kelahiran anak tak sah taraf meningkat dari setahun ke setahun iaitu seramai 46,822 orang bagi tahun 2008, 52,378 orang (tahun 2009) dan seramai 52,982 orang (tahun 2010).

Sehubungan itu, jumlah keseluruhan kelahiran anak tak sah taraf bagi tempoh tiga tahun ialah seramai 152,182 orang. Daripada jumlah ini, negeri Sabah menunjukkan statistik kelahiran anak tak sah taraf yang paling tinggi iaitu 41,490 orang diikuti oleh negeri Selangor 18,983 orang dan negeri Sarawak 17,570 orang.

Data kelahiran anak tak sah taraf mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran A.**

Bagi kategori bangsa, lain-lain bangsa merupakan golongan yang paling tinggi melahirkan anak luar nikah iaitu seramai 106,952 orang diikuti oleh Melayu 67,992 orang, India 23,958 orang dan Cina 22,785 orang.

Peningkatan data pendaftaran anak tak sah taraf menunjukkan wujudnya keprihatinan serta kesedaran masyarakat terutamanya wanita tentang kepentingan pendaftaran kelahiran anak bagi memudahkan urusan pengenalan diri dan perkembangan sahsiah terutamanya persekolahan anak-anak itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung kes pembuangan bayi pula, data yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia menunjukkan sebanyak 83 kes pada tahun 2006, 76 kes pada tahun 2007, 102 kes pada tahun 2008, 79 kes pada tahun 2009, 91 kes pada tahun 2010 dan 71 kes bagi tempoh bulan Januari hingga 9 September 2011. Jumlah keseluruhan bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak **502** kes.

Negeri Selangor menunjukkan statistik pembuangan bayi yang paling

tinggi dari tahun 2006 hingga 9 September 2011 iaitu seramai 122 orang diikuti oleh negeri Johor seramai 87 orang dan seterusnya Sabah 64 orang. Manakala negeri Perlis mencatatkan pembuangan bayi yang paling rendah iaitu 1 orang sahaja dalam tempoh tersebut.

Data pembuangan bayi mengikut setiap negeri adalah seperti di **Lampiran B.**

Bangsa bayi yang dibuang sukar untuk ditentukan memandangkan bayi yang ditemui selalunya telah mereput dan bagi bayi yang ditemui masih hidup, ibu dan bapa bayi berkenaan tidak dapat dikesan.
Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani kedua-dua isu ini, pendekatan secara holistik yang merangkumi aspek pencegahan, advokasi, intervensi dan pemulihan adalah diperlukan. Oleh itu, semua pihak terutama ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing.

Data kelahiran anak tak sah taraf mengikut negeri dari tahun 2008 hingga **2010**

Lampiran B

Negeri	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Perlis	235	24	207
Kedah	1,741	1,742	1,754
Pulau Pinang	1,573	1,679	1,586
Perak	2,746	5,691	3,060
Johor	5,622	5,425	5,251
Selangor	6,162	6,211	6,610
Negeri Sembilan	1,658	1,577	1,654
Melaka	1,065	1,077	984
Pahang	1,960	2,177	2,182
Terengganu	824	952	891
Kelantan	1,145	1,221	1,279
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4,375	3,882	3,838
Sabah	10,638	15,207	15,645
Sarawak	5,444	6,027	6,099
Labuan	336	394	353
JUMLAH	46,822	52,378	52,982

Data di bawah menunjukkan rekod pembuangan bayi mulai tahun 2006 hingga September 2011 mengikut negeri.

Lampiran B

KONTINJEN	2006	2007	2008	2009	2010	2011 (1 Jan - 9 Sept)	JUMLAH
Selangor	24	20	25	16	20	17	122
Melaka	2	0	0	0	5	1	8
Kedah	3	4	6	3	5	1	22
Pulau Pinang	0	5	10	5	8	3	31
Terengganu	1	0	3	1	4	0	9
Pahang	3	3	4	6	3	0	19
Perak	2	0	5	7	7	6	27
Perlis	0	0	0	1	0	0	1
Johor	21	21	13	11	10	11	87
Negeri Sembilan	3	4	5	8	5	3	28
Kelantan	1	0	4	4	4	12	25
Sabah	11	11	20	12	6	4	64
Sarawak	12	7	7	5	7	4	42
Kuala Lumpur	0	1	0	0	7	9	17
JUMLAH KES	83	76	102	79	91	71	502

NO* So ALA AJ;
/S NO. AtJM: 6-
kin Al in..
TwTtTOT
t^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD [MUKAH]
TARIKH	10 NOVEMBER 2011
RUJUKAN	4173

SOALAN

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kementerian dapat mengisi penuh keperluan tenaga polis di daerah luar bandar di Sarawak termasuk bahagian Mukah di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah yang telah mengemukakan Soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Lima (5) Tahun Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2011 sehingga 2015 telah menetapkan sasaran pengisian perjawatan sebanyak 90% daripada keseluruhan perjawatan di dalam PDRM bagi setiap tahun. Sehubungan dengan ini, peratusan pengisian jawatan pegawai dan anggota PDRM di Negeri Sarawak ialah sebanyak 94% yang mana sejumlah 8,787 daripada 9,340 perjawatan telah di isi. Begitu juga dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Mukah yang mana jumlah pengisiannya ialah 89% iaitu 112 daripada 125 perjawatan telah di isi.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa sekarang terdapat sejumlah 111,774 perjawatan bagi pegawai dan anggota PDRM di seluruh negara yang mana sebanyak 98% atau 110,569 perjawatan tersebut telah di isi. Justeru itu, pihak Kementerian dan PDRM akan senantiasa memastikan pengisian perjawatan-perjawatan tersebut dilaksanakan secara berterusan mengikut kekosongan dan keperluan semasa.

NO.

SOALAN:16 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
(SEREMBAN)**

TARIKH 10 NOVEMBER 2011

SOALAN

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan dengan penurunan kadar faedah yang boleh diberikan baru-baru ini oleh mahkamah sivil di negara dari 8 peratus ke 4 peratus, apakah kewajaran penurunan kaedah tersebut.

**JAWAPAN YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar faedah yang diturunkan dari 8% ke 4% adalah dengan tujuan untuk menyesuaikan kadar tersebut dengan keadaan semasa dan merupakan satu kadar faedah yang lebih adil kepada semua pihak.

NO. SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique
[Setiawangsa]**

TARIKH 10 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

**(a) komposisi dan struktur pengurusan atasan 1 Malaysia
Development Board (1MDB); dan**

**(b) sejauh manakah pencapaian 1MDB setakat ini di dalam
membawa hala tuju pembangunan ekonomi negara ke arah
mencapai matlamat pembangunan sebuah negara maju
berpendapatan tinggi.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

**1. 1MDB mengamalkan pengurusan tadbir korporat (*corporate
governance*) tiga peringkat yang kukuh dan mengikut piawaian
global. Pihak pengurusan kanan bertanggungjawab kepada
Lembaga Pengarah yang**

mewakili kepentingan pemegang sahamnya, iaitu Kerajaan Malaysia. Seterusnya, Lembaga Pengarah pula bertanggungjawab melaporkan perkembangan syarikat kepada Lembaga Penasihat, yang mana YAB Perdana Menteri adalah pengerusi.

Pihak Pengurusan bersama kedua-kedua barisan lembaga 1MDB menjalankan tanggungjawab fidusiari mereka sejajar dengan undang-undang dan peraturan sedia ada di bawah Akta Syarikat 1965.

2. Fungsi utama 1MDB termasuklah membuka kunci nilai strategik aset Kerajaan bagi memperolehi kesan berganda yang tinggi melalui potensi ekonomi yang ada pada aset-aset ini bagi menjana pertumbuhan ke arah sebuah ekonomi yang berkembang maju dan berdaya-saing.

Dua projek 1MDB kini yang sedang giat berjalan adalah Kuala Lumpur International Financial District dan pembangunan semula lapangan terbang Sungai Besi kepada Bandar Malaysia.

KLIFD bertujuan untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikannya sebuah bandaraya antarabangsa. KLIFD menggunakan kekuatan Malaysia dalam bidang kewangan Islam serta mengambil kelebihan lokasi strategik negara dalam usaha mengatasi pusat-pusat kewangan lain di rantau ini.

Pelan Induk KLIFD kini sedang dimuktamadkan, manakala kerja-kerja pembinaan bagi projek yang memakan masa 10 hingga 15 tahun ini dijangka akan bermula awal tahun depan.

Pada pengumuman Bajet 2012, YAB Perdana Menteri juga telah

mengumumkan insentif-insentif khusus untuk KLIFD, di antaranya pengecualian pendapatan 100 peratus bagi tempoh 10 tahun dan pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman dan perjanjian perkhidmatan bagi syarikat berstatus KLIFD dan elaun bangunan industri dan elaun modal dipercepatkan bagi syarikat berstatus KLIFD Marquee.

Insentif “KLIFD Status” akan ditawarkan kepada syarikat-syarikat di sub-sektor kewangan tertentu yang telah dikenalpasti sebagai pemacu kepada perkembangan ekonomi menyeluruh berdasarkan kepada keupayaan sektor-sektor ini menjana manfaat berganda. Status “KLIFD Marquee” pula bertujuan untuk mengurangkan kos pemindahan ke KLIFD bagi menarik minat institusi-institusi kewangan bertaraf dunia beroperasi daripada pusat kewangan tersebut.

Ini akan menggalakkan “clustering effect”, salah satu faktor yang sangat penting dalam membina sebuah pusat kewangan yang pesat.

Sepertimana yang dapat dilihat di Canary Wharf dan Singapura, KLIFD dengan ini bukan sahaja akan dapat menikmati tenaga kerja yang lebih mahir dan reputasi sebagai pusat kewangan yang lebih kukuh, malahan kita juga akan lihat lebih banyak pemindahan ilmu dan kepakaran, yang mana interaksi sesama individu profesional akan mencetuskan inovasi.

Syarikat-syarikat tempatan akan memainkan peranan di pasaran yang lebih besar, aktif dan mendalam. Apabila ia beroperasi, pusat kewangan antarabangsa berimpak tinggi ini bermatlamat menarik 250 syarikat global terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan antarabangsa, dan membuka lebih 70,000 peluang perkerjaan.

Pembangunan Semula Pangkalan Udara Sg Besi, ataupun Bandar Malaysia pula adalah pembangunan komprehensif pelbagai dengan keluasan 495 ekar yang akan membudayakan konsep “liveability” sebagai ciri utama Greater Kuala Lumpur, hanya bakal menjadi penanda aras baru dalam pembangunan rantau ini pada masa hadapan.

Bandar Malaysia adalah satu pembangunan bersepadu, menekankan konsep keseimbangan antara hidup dan kerjaya. Ia merangkumi kawasan hijau yang lapang, ruang terbuka untuk kegunaan khalayak ramai dan institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa.

Sebahagian dari Bandar Malaysia juga akan diperuntukkan bagi projek perumahan mampu milik dalam masyarakat yang terangkum, seiring dengan konsep 1 Malaysia. Projek rumah mampu milik 1MDB di Sungai Besi dijangka akan bermula tahun depan.

1MDB sentiasa mengkaji dan menilai strateginya untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang dirancang sentiasa relevan kepada kehendak jangka panjang, dan menepati mandatnya sebagai pemangkin ekonomi negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **YB TUAN KARPAL SINGH**
TARIKH **10 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan dalam siasatan yang dijanjikan oleh Peguam Negara dalam hubungan antara Mohd Saiful Bukhari Azlan dan Timbalan Pendakwa Raya, Farah Azlina dalam perbicaraan kes Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sedang berjalan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Peguam Negara telah mengambil tindakan menyiasat dakwaan yang mengatakan bahawa pengadu dalam kes perbicaraan Dato' Seri

Anwar Ibrahim iaitu Mohd. Saiful Bukhari mempunyai hubungan dengan salah seorang Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dalam kes tersebut iaitu TPR Farah Azlina. Walau bagaimanapun, dakwaan mengenai hubungan tersebut didapati tidak berasas tanpa apa-apa bukti yang kukuh.

Namun begitu, bagi mengelakkan apa-apa tohmahan, pihak Jabatan Peguam Negara telah mengambil tindakan segera iaitu mengeluarkan TPR Farah Azlina daripada kumpulan TPR yang terlibat menjalankan pendakwaan dalam kes perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sedang berjalan di Mahkamah. Beliau kini ditempatkan di Bahagian lain di Jabatan Peguam Negara.

NO. SOALAN: L

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,
PENGKAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS (2011)**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

10 NOVEMBER 2011 [KHAMIS]

DARIPADA

**Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI
AZIZ [SRIGADING]**

SOALAN :

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan dalam menampung perbelanjaan mengerjakan haji rakyat Malaysia pada tahun 2010 dan 2011.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh Lembaga Tabong Haji (*TH*) dalam menampung perbelanjaan mengerjakan haji rakyat Malaysia adalah sebanyak RM65

NO. SOALAN: 1
juta pada tahun 2010 (Musim Haji 1431H) dan adalah dijangkakan jumlah subsidi tersebut bagi tahun 2011 (Musim Haji 1432H) adalah sebanyak RM100 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN**

NO. roAL A NT. 3.0 •NQr-
AUM i 1-5*

NSr-AOP*

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

DARIPADA :

LISAN

TARIKH

**DATUK ERIC
[SEPANGGAR]**

ENCHIN

MAJIMBUN

RUJUKAN :

10 NOVEMBER 2011

4175

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat di Sabah yang dikategorikan sebagai Sino-Natif setakat 31 Ogos 2011. Sejak bilakah Sino-Natif diisytiharkan sebagai satu kaum di Sabah dan bagaimana dengan kaum Sino-Malay serta Sino-Indian yang masih wujud.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan penduduk Sabah berketurunan Sino-Natif yang direkodkan di Jabatan Pendaftaran Negara sehingga 31 Ogos 2011 ialah sejumlah 44, 802 orang.

Tuan Yang DiPertua,

Keturunan Sino diwujudkan bagi perkahwinan campur antara keturunan Cina dengan keturunan Anak Negeri. Tidak dinafikan kewujudan perkahwinan campur antara pasangan Cina dengan Melayu dan Cina dengan India dinegara ini. Walaubagaimanapun, istilah Sino-Malay atau Sino-Indian tidak wujud didalam peraturan Jabatan Pendaftaran Negara samada bagi Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299), Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP. 123), Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak CAP. 10) mahupun Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) atau mana-mana yang berkaitan dengannya.

Kedudukan berkaitan penentuan Natif tidak terletak dibawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara tetapi di bawah bidang kuasa

Mahkamah Anak Negeri.

MO' £0 ArUArM
NOrAUMi11

NO. ALjp-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA

JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH 10 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4174

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai status terkini Program 6P (Semenanjung) dan 5P (Sabah). Adakah masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ini dapat diselesaikan menjelang tahun 2012.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Keningau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Proses Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah dijalankan bermula 1 Ogos sehingga 31 Ogos 2011 di seluruh Semenanjung Malaysia dan 18 Julai hingga 8 Ogos 2011 di Sabah. Manakala, Proses Pendaftaran bagi Pekerja Asing Sah telah berjalan bermula 13 Julai 2011 sehingga suatu tarikh yang akan diumumkan oleh Kerajaan.

Hasil positif Program 6P ini dapat dilihat dalam kejayaan pendaftaran sehingga tarikh tamat Proses Pendaftaran Program 6P iaitu pada 31 Ogos 2011 seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah. Seramai 161,548 orang PATI telah didaftarkan di Sabah.

Tuan Yang Di-pertua,

Usaha membanteras masalah PATI merupakan satu usaha berterusan dan adalah sukar untuk menjangkakan penyelesaian sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengambil beberapa langkah inisiatif bagi membendung kebanjiran warga asing di negara kita.

Beberapa langkah pencegahan dan pemantauan melibatkan agensi-agensi Kerajaan berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis

Diraja Malaysia, Tentera Laut Di-Raja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan lain-lain agensi telah dilakukan secara bersepadu bagi membendung kemasukan PATI ke negara ini. Antaranya ialah dengan mengetatkan kawalan pintu-pintu masuk diseluruh negara. Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia dari masa ke semasa melaksanakan aktiviti **penguatkuasaan terhadap warga asing** bagi mengesan mereka yang masuk tanpa ke negara ini secara tidak sah.

Bentuk kawalan yang dilakukan bagi menghindari kebanjiran PATI adalah seperti berikut. Kawalan sebelum masuk ke Malaysia adalah:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis

Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala kawalan setelah berada dalam negara adalah:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

SOALAN NO.:
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO PUCHONG

TARIKH

10 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah langkah-langkah yang telah pun dan/atau akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar tol untuk semua jalan bertol di Puchong dan sekiranya tiada tindakan, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah pengurangan kadar tol di lebuh raya-lebuh raya yang melalui kawasan Puchong iaitu Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP) dan Lebuhraya Shah Alam (KESAS) melalui penstrukturan semula kadar tol. Kadar tol di LDP sebenarnya telah distrukturkan semula pada tahun 2007 di mana pengguna kenderaan kelas 1 hanya perlu membayar RM1.60 sahaja pada masa kini (2011) berbanding RM2.10 mengikut perjanjian konsesi asal. Manakala kadar tol KESAS pula telah distrukturkan semula pada tahun 2002 di mana tempoh kekerapan kenaikan kadar tol dikurangkan dari 12 kali kepada 3 kali mulai tahun tersebut. Ini bermakna pengguna kenderaan kelas 1 hanya perlu membayar RM2.20 sahaja pada masa kini (2011) berbanding RM2.80 mengikut perjanjian konsesi asal. Berikutan dari penstrukturan semula kadar tol tersebut, kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi berkenaan.

Namun demikian, Kerajaan sentiasa berbincang dari masa ke semasa dengan syarikat-syarikat pengendali konsesi lebuh raya, termasuk Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. (LITRAK) dan KESAS Sdn. Bhd. bagi mencari jalan dan kaedah terbaik untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya. Ini termasuk melaksanakan pelbagai insentif, seperti program pengguna kerap LDP di mana

pemberian bonus 20% tambah nilai untuk pengguna Touch 'n Go bagi minima 100 transaksi sebulan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TUAN DING KUONG HUNG
[SARIKEI]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) sejauh manakah usaha dan rancangan Kementerian menaik taraf paip jenis AC kepada HDPE sejauh 300 kilometer di seluruh bahagian keenam, Sarikei.; dan**
- (b) nyatakan juga rancangan Kementerian menambah baik Loji Pembersihan Bayong, Sarikei berikutan ketidakfungsian dengan baik pada loji rawatan tersebut dan ketidakmampuan isi padu air menabung keperluan penduduk Sarikei dan sekitarnya.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian ini sememangnya maklum bahawa program penggantian paip-paip usang terutamanya paip jenis *Asbestos Cement* (AC) kepada paip yang lebih tahan lasak memang perlu dilaksanakan. Sebelum ini, program penggantian paip merupakan sebahagian daripada aktiviti di bawah Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW). Namun, dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), aktiviti penggantian paip-paip usang ini telah diletakkan di bawah Program Membaik Pulih Sistem Agihan.

Cadangan penukaran paip jenis AC kepada jenis *High Density Polyethylene* (HDPE) bagi kawasan Sarikei telah dikemukakan oleh Pihak Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat di bawah Program Membaik Pulih Sistem Agihan Negeri Sarawak dalam *Rolling Plan* Kedua (RP2), RMKe- 10. Permohonan tersebut melibatkan penggantian paip sepanjang 40 kilometer (40km) dengan anggaran kos berjumlah RM8 juta. Program tersebut dijangka dilaksanakan antara tahun 2012 hingga 2015 secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung ketidakfungsian Loji Pembersihan Bayong, Sarikei dan ketidakmampuan isi padu air menampung keperluan penduduk sekitarnya, pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil inisiatif dengan menyenaraikan loji rawatan tersebut di dalam program *Sarawak Corridor Of Renewable Energy* (SCORE) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Di dalam program SCORE ini, projek ini dinamakan sebagai projek Hab Halal Tanjung Manis: Pembangunan Sumber Air Untuk Bekalan Air Hab Halal Tanjung Manis. Projek ini dibiayai di bawah peruntukan siling RMKe-10 yang telah pun diluluskan sebanyak RM25 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan projek ini yang dijalankan sendiri oleh agensi Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk menaik taraf Loji Rawatan Air Bayong, Sarikei dan saluran paip ke Tanjung Manis. Menurut maklumat daripada pihak Kerajaan Negeri, pada masa ini, projek tersebut berada pada peringkat perlantikan semula perunding yang perlu diluluskan oleh Lembaga Perolehan SCORE. Proses reka bentuk akan dilaksanakan

setelah

perunding diluluskan. Projek dijangka untuk ditender pada tahun 2012 bergantung kepada peruntukan yang akan diluluskan didalam RMKe-10 *rolling plan* kedua (f?P2-RMKe-10).

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2011

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap dakwaan bahawa Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail telah disogok oleh bekas Timbalan Pengerusi Eksekutif Ho Hup Bhd, Datuk Vincent Lye, atas sokongannya dalam pertikaian lembaga pengarah syarikat tersebut.

JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung perkara yang dibangkitkan, ianya masih dalam tindakan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam persoalan yang ditimbulkan ini juga, SPRM adalah tertakluk kepada Seksyen 29 (4) Akta SPRM 2009 yang menghalang sebarang pendedahan berkaitan sesuatu aduan/siasatan yang sedang dijalankan, didedahkan kepada pengetahuan umum.

Sekian, terima kasih.

No- SOAUW: 2.s

~~NO. AUM : 21~~

~~NO. AUP ;~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH 10 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4306

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah dana peruntukan yang telah digunakan oleh Kerajaan Malaysia untuk menangani masalah dadah di seluruh negara dari tahun 2008 hingga sekarang dan berapakah jumlah peruntukan yang akan digunakan untuk membanteras dadah pada masa akan datang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibuti yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani permasalahan dadah negara, sejumlah peruntukan telah dibelanjakan oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi melaksanakan program-program rawatan dan pemulihan dan juga pencegahan. Ia bukan sahaja dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan tetapi juga melibatkan usahasama dengan pihak Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), swasta dan sukarelawan. Berikut merupakan peruntukan yang telah dibelanjakan dari tahun 2008 sehingga Ogos 2011:

	UUMifAH^FERBEI^ANJAANS: mal A y 'K _{WR} '
2008	43,404,028.84
2009	47,763,854.64
2010	30,561,514.54
OGOS 2011	27,413,931.77
JUMLAH	149,243,329.79

Berdasarkan cadangan permohonan Bajet Kementerian melalui AADK bagi tahun 2012, berikut merupakan jumlah peruntukan yang dicadangkan untuk menjalankan program-program pembasmian dadah pada masa akan datang:

	JUMLAH PERBELANJAAN :■ .y^^rn
RAWATAN DAN PEMULIHAN	62,000,000.00

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]

TARIKH 10 NOVEMBER 2011

SOALAN:

TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH) minta PERDANA

MENTERI menyatakan

- (a) berapakah peratus penambahan pengundi baru di kawasan Parlimen Tanah Merah sejak 2008 hingga 2011; dan
- (b) adakah penambahan ini melibatkan rakyat warga asing

SOALAN NO.26

yang dijadikan warganegara serta nyatakan perinciannya.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Perbezaan jumlah pemilih antara yang direkodkan dalam Daftar Pemilih Induk Tahun 2008 dengan Daftar Pemilih Terkini sehingga Suku Tahun Kedua Tahun 2011 (sehingga 30 Jun 2011) bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen Tanah Merah adalah seperti pada Jadual 1; dan

SOALAN NO.26

Jadual 1

	Daftar Pemilih Induk Tahun 2008		Daftar Pemilih Terkini Sehingga 30 Jun 2011		Perbezaan Jumlah Pemilih	
Kategori Pemilih	Pemilih	Pengundi Pos	Pemilih	Pengundi Pos	Pemilih	Pengundi Pos
Jumlah Pemilih	44,840	203	49,044	259	4,204	56

- (b) SPR tidak mempunyai maklumat sama ada penambahan jumlah pemilih yang berlaku melibatkan warga asing yang telah disahkan sebagai warganegara Malaysia. Ini kerana setiap permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih hanya akan diproses setelah pemohon itu disahkan statusnya sebagai warganegara Malaysia oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sekian, terima kasih.

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
MALAYSIA NOVEMBER 2011**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN (27)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 10 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

DARIPADA Y.B. TUAN TENG BOON SOON
[TEBRAU]

SOALAN

Y.B. TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Tribunal Perumahan telah memainkan peranan yang berguna dalam menyelesaikan perselisihan antara pemaju dan pembeli rumah. Berapa kes perselisihan perumahan telah di selesai dengan berjaya sejak Tribunal ini ditubuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) mula beroperasi pada 1 Januari 2003 sehingga 31 Oktober 2011, TTPR mencatatkan jumlah pendaftaran keseluruhan sebanyak 31,503 kes. Daripada jumlah ini, 30,349 (96.34%) kes berjaya diselesaikan manakala 1,154 (3.66%) kes masih dalam peringkat penyelesaian.

Berdasarkan peratusan kes yang telah diselesaikan tersebut menunjukkan bahawa objektif penubuhan TTPR sebagai forum utama dalam menyelesaikan pertikaian tuntutan gantirugi antara pembeli rumah dan pemaju perumahan telah dapat dicapai. TTPR dari semasa ke semasa akan sentiasa mempertingkatkan mutu perkhidmatan bagi mendengar dan mengadili tuntutan pembeli rumah dengan cara yang mudah, murah dan cepat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan November 2011

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2011

SOALAN

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil siasatan SPRM dan Panel Penilaian Operasi mengenai dakwaan bahawa Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan menghantar dana RM10 juta melalui perkhidmatan pengurup wang.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kelana Jaya, kertas siasatan telah pun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk kajian dan keputusan mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA
NYAAN

PE
RTA

LISAN

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI
(SILAM)

TARIKH

10.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan mengapakah tidak ada pengawalan terhadap bahasa yang digunakan di papan tanda di sisi jalan terutamanya papan tanda elektronik yang didapati cenderung menggunakan bahasa ringkas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengawalan terhadap bahasa yang digunakan di papan tanda di tepi jalan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian Kerja Raya. Pihak berkenaan melakukan penguatkuasaan melalui Undang-undang Kecil Iklan, Kaedah- kaedah Pemasangan Paparan Iklan di dalam Rezab Lebuhraya/Jalan Persekutuan 2010 dan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar 2009. Walau bagaimanapun, semua iklan dan papan tanda perlulah mendapat pengesahan dari segi laras bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu sebelum diluluskan oleh PBT. Perlu dijelaskan di sini bahawa peranan DBP adalah dalam ruang lingkup menggalakkan penggunaan bahasa yang betul, termasuklah memberi ulasan, nasihat, bimbingan, latihan dan sebagainya.

Sehubungan itu, DBP secara tidak langsung membantu pihak yang berkenaan membuat pengawalan melalui program perkhidmatan, penataran, penyebaran dan pemupukan bahasa, di samping meningkatkan bahan dan prasarana rujukan. Semua khidmat yang ditawarkan ini dapat diperoleh secara dalam talian atau melalui faksimile, telefon, surat, e-mel dan juga kunjungan ke pejabat DBP di seluruh negara. DBP juga turut mengadakan kerjasama strategik dengan semua pihak berkuasa tempatan untuk melakukan pemantauan dari semasa ke semasa. Surat akan dikeluarkan kepada pihak yang dipantau untuk memaklumkan dapatan termasuk ulasan serta cadangan penambahbaikan.



NO SOALAN :p

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)
LISAN**

PERTANYAAN

10.11.2011

TARIKH

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai pendapatan yang dikutip pada tahun 2010 dan tahun ini mengikut pecahan kaum, Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, borang yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi maksud pendaftaran dan pembayaran cukai pendapatan oleh rakyat Malaysia tidak mempunyai butiran kaum. Ini memandangkan butiran kaum tidak diperlukan kerana prinsip yang dipakai di dalam mengenakan cukai pendapatan individu adalah prinsip kesaksamaan (equitable) bagi setiap individu tanpa mengambil kira perbezaan kaum. Oleh itu, maklumat jumlah cukai pendapatan mengikut pecahan kaum seperti yang dipohon Yang Berhormat tidak dapat dikemukakan. Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]
TARIKH 10 NOVEMBER 2011
SOALAN

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan pusat perkhidmatan pergigian di kawasan-kawasan luar bandar bagi menangani masalah ketiadaan pusat perkhidmatan tersebut khususnya di daerah Tenom.

Tuan Yang di-Pertua

Pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kerana mencadangkan supaya perkhidmatan pergigian disediakan untuk rakyat di kawasan luar bandar khususnya di daerah Tenom. Ini menunjukkan keprihatinan YB dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat kawasan luar bandar.

I

Pada masa ini, perkhidmatan pergigian ada disediakan di daerah Tenom tetapi

lebih kepada rawatan pergigian untuk murid pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah melalui pasukan pergigian bergerak. Manakala rawatan pergigian asas yang disediakan untuk orang dewasa diadakan seminggu sekali iaitu setiap hari Rabu di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) Tenom.

Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan pergigian penduduk Tenom adalah :

1. Meningkatkan perkhidmatan pergigian kepada kumpulan sasaran dan sehingga kini, jumlah pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah yang dilawati adalah seperti berikut;
 - a. Bilangan pra sekolah: 49 buah;
 - b. Bilangan sekolah rendah: 41 buah; dan
 - c. Bilangan sekolah menengah: 6 buah.
2. Pada tahun 2010, jumlah murid pra sekolah yang telah menerima rawatan adalah 1,918 orang, murid sekolah rendah berjumlah 5,791 orang dan murid sekolah menengah adalah berjumlah 4,380 orang.
3. Pesakit yang memerlukan rawatan seperti tampalan, penskaleran, pembuatan gigi palsu akan dirujuk ke Klinik Pergigian Keningau yang jaraknya 45km dari Pekan Tenom.
 4. Perancangan jangka pendek adalah untuk meningkatkan perkhidmatan pergigian di Tenom secara lawatan sekurang- kurangnya sekali setiap minggu oleh Pasukan Pergigian Bergerak mengikut kemampuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan untuk membina Klinik Kesihatan Jenis 3 di kawasan Tenom

dalam *Rolling Plan* ke3 (RMKe-10). Cadangan ini akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebelum bulan Mac 2012. Antara fasiliti yang terdapat dalam Klinik Kesihatan Jenis 3 yang akan dibina itu ialah Klinik Pergigian bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada penduduk Tenom. Dengan adanya klinik pergigian yang tetap serta personel pergigian yang ditempatkan secara tetap, maka penyediaan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada penduduk Tenom dapat disediakan sepenuh masa.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan amat prihatin akan kesedaran rakyat yang meningkat mengenai pentingnya kesihatan pergigian. Pada masa ini usaha akan dipertingkatkan untuk memberi perkhidmatan pergigian melalui pasukan pergigian bergerak secara berkala kepada penduduk di kawasan Tenom.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
(BAYAN BARU)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 10.11.2011

Y.B. DATO¹ SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada bank-bank masih lagi dibenarkan untuk merujuk kepada "*Credit Tip-Off Service*" (CTOS) dan "*Central Credit Reference Information System*" (CCRIS) di dalam pemprosesan pembukaan akaun-akaun bank.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi amalan berhemat institusi perbankan untuk menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber dan saluran sebelum membuat keputusan dalam pemprosesan sesuatu permohonan termasuk untuk membuka akaun semasa.

2. Bagi tujuan ini, maklumat daripada CCRIS dan CTOS merupakan salah satu input yang digunakan oleh institusi perbankan bagi menilai keupayaan seseorang pemohon untuk membayar balik kemudahan overdraf yang lazimnya ditawarkan beserta dengan akaun semasa.

3. Akses kepada maklumat di dalam CCRIS adalah tertakluk kepada Seksyen 47 Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang membenarkan maklumat

NO SOALAN 17;

kredit seseorang peminjam dalam CCRIS diakses oleh institusi kewangan bagi

tujuan menilai kelayakan pelanggan untuk membuka dan menyenggara suatu akaun semasa dengan institusi kewangan berkenaan.

NO. SO ALAN:

33 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
(SEPANG)**

TARIKH 10 NOVEMBER 2011

SOALAN

DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes-kes tertunggak (*backlogs*) di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi di seluruh negara dan nyatakan langkah yang telah diambil Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kajian Kes-Kes Tertunggak di Mahkamah Bil. 3/2008, 'backlog' atau kes tertunggak adalah kes-kes yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2007 dan belum diselesaikan atau dilupuskan.

Oleh itu, setakat 31.8.2011, jumlah kes tertunggak di Mahkamah Majistret adalah sebanyak 68 kes, di Mahkamah Sesyen sebanyak 193 kes dan di

Mahkamah Tinggi adalah sebanyak 1369 kes. Pecahan kes mengikut kategori dan mahkamah adalah seperti di Lampiran A.

Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat,

Mahkamah telah mengambil pelbagai langkah yang lebih proaktif untuk mengatasi masalah kes-kes tertunggak di negara ini, iaitu antaranya:-

- (i) Mahkamah telah memperkenalkan dan melaksanakan “Sistem Pengurusan Kes” atau “*Case Management System*” di mana melalui sistem ini kes-kes akan terlebih dahulu ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar. Melalui kaedah Pengurusan kes ini, segala permasalahan dan isu interlokutori yang dibangkitkan oleh pihak-pihak akan diselesaikan terlebih dahulu sebelum di bawa ke hadapan Hakim untuk dibicarakan. Ini adalah penting bagi mengelakkan kes tersebut ditangguhkan pada hari perbicaraan atas alasan pihak-pihak tidak bersedia. Di samping itu, sistem ini juga berperanan untuk memantau dan mengawal pemfailan segala permohonan interlokutori yang ingin dan telah dimasukkan oleh peguam sebelum mahupun setelah kes tersebut ditetapkan untuk perbicaraan.
- (ii) Pelaksanaan sistem ‘Tracking’ di Mahkamah turut membantu dalam mempercepatkan lagi pendengaran sesebuah kes tersebut di mana kes-kes disusun mengikut track iaitu:
 - a. Hakim ‘A-track’ yang mendengar kes yang melibatkan keterangan melalui Afidavit;

- b. Hakim 'A-track' yang mendengar kes yang melibatkan keterangan lisan; dan
 - c. Hakim 'A-track' yang mendengar kes-kes pelbagai.
- (iii) Mewujudkan Mahkamah Khas (specialized courts) di mana Hakim- Hakim mendengar kes-kes secara khusus antaranya Mahkamah Khas Rasuah, Mahkamah Khas PATI, Mahkamah Khas Admiralti dan Mahkamah Khas Harta Intelek.
- (iv) Memperkenalkan sistem E-Kehakiman dimana melalui sistem ini pengurusan dan pendengaran kes di mahkamah seperti E-Filing, 'Que Management System', Court Recording Transcription (CRT) dan audio conferencing mempercepatkan prosiding perbicaraan.

Objektif pelaksanaan sistem ini adalah untuk memaksimumkan penggunaan masa mahkamah, menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbiran pengurusan kes di mahkamah, meningkatkan jumlah pelupusan kes dan tahap kecekapan pihak pengurusan Hakim, Pendaftar dan kakitangan mahkamah.

Dengan pengenalan dan pelaksanaan sistem di atas, Hakim-Hakim kini dapat memberikan tumpuan untuk mengendalikan kes-kes mereka dan jumlah kes tertunggak dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN A
JUMLAH 'BACKLOG' KES-KES DI MAHKAMAH RENDAH DAN
MAHKAMAH TINGGI SETAKAT 31 OGOS 2011.

BIL.	MAHKAMAH	JENAYAH	SIVIL	JUMLAH
1	MAJISTRET	64	4	68
2	SESYEN	88	105	193
3	TINGGI	21	1348	1369

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
DARIPADA TELOK KEMANG 10 NOVEMBER 2011
(KHAMIS)

KAWASAN

TARIKH SOALAN

Y.B. DATO⁷ KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK
KEMANG] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) rancangan kerajaan dalam RMKe-10 untuk menaik taraf Tol Seremban - Labu dan Tol Seremban Port Dickson dengan menambah lebih banyak pondok bayaran tol bagi mengelakkan berlakunya kesesakkan di waktu puncak; dan
- (b) jangka masa projek akan disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya amat prihatin dan mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Plaza Tol Seremban, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) khususnya pada waktu puncak dan musim cuti umum. Sehubungan itu, pihak kementerian telah merancang untuk membina sebuah lagi persimpangan baru di KM 267.5, PLUS iaitu kira-kira 4 kilometer sebelum Persimpangan Bertingkat Seremban sedia ada dari arah Kuala Lumpur bagi menampung keperluan trafik ke bandar Seremban.

Anggaran kos bagi pembinaan persimpangan bertingkat baru ialah sebanyak RM160 juta. Pembinaan fizikal dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2012 dengan tempoh siap selama 24 bulan, tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dalam RMKe-10.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada pemerhatian dan kajian yang dilaksanakan di Plaza Tol Port Dickson (Arah Utara), PLUS, reka bentuk plaza tol tersebut masih boleh menampung jumlah kapasiti kenderaan sedia ada iaitu 14,000 kenderaan dalam sehari di mana anggaran had maksima ialah 38,000 kenderaan dalam sehari. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah bagi membantu melancarkan aliran trafik di plaza tol

berkenaan terutamanya pada waktu puncak dengan memaksimumkan pembukaan lorong transaksi, pelaksanaan kutipan tol secara berlapis dan bantuan kawalan trafik.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN : PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**
DARIPADA LIPIS

**Y.B DATO DR. MOHAMAD
SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**

**TARIKH
10.11.2011
(KHAMIS)**

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengenai Fasal 17 dalam Rang Undang-Undang Veteran yang menyatakan Persatuan Bekas Tentera yang telah sedia wujud perlu mendaftar semula dan apakah persatuan bekas tentera tersebut akan diberi nombor pendaftaran yang baru dan bagaimana kedudukan aset-aset yang dimiliki oleh persatuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN: 35

Fasal 17, Rang Undang-Undang (RUU) Veteran menggariskan dengan jelas mengenai pendaftaran persatuan veteran sebaik sahaja Akta Veteran ini berkuatkuasa. Akta ini akan mengambil alih kuasa pendaftaran persatuan-persatuan Veteran dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Peruntukan tersebut mewajibkan semua persatuan veteran yang mendaftar sama ada dahulu atau yang baharu untuk mendaftar di bawah Akta Veteran memandangkan kuasa pendaftaran persatuan veteran telah berpindah dari ROS kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).

Semua pertubuhan yang sebelum ini berdaftar dengan ROS diberikan tempoh tiga bulan untuk mendaftar semula dengan JHEV di bawah Akta Veteran. Oleh kerana wujud perpindahan bidang kuasa pendaftaran, maka mengikut aturan perundangan, pendaftaran di ROS akan terhenti. Setiap pendaftaran persatuan veteran di bawah Akta Veteran akan diikuti dengan perakuan pendaftaran yang baru.

Aset-aset persatuan yang sebelum ini ditadbir di bawah Akta Pertubuhan 1966 akan kekal bersama persatuan tersebut dan terpulang kepada persatuan untuk mendaftar semula aset-aset mereka. Aset-aset ini akan kekal di bawah pentadbiran persatuan dan

kemungkinan akan diperincikan kemudian melalui penggubalan peraturan-peraturan baru di bawah Akta Veteran khususnya keperluan pendaftaran semula aset-aset tersebut. Walau bagaimanapun, status persatuan veteran dan aktiviti berkaitannya adalah tidak terjejas dan persatuan adalah bebas untuk beroperasi seperti biasa sementara menunggu perakuan pendaftaran berkenaan.

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJUNG MANIS]
TARIKH 10 NOVEMBER 2011
SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kementerian dapat meningkatkan taraf klinik-klinik Kampung Tekajong dan Kampung bruit ke Klinik 1 Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk Yang Berhormat Ahli Parlimen, agensi Kerajaan dan semua ahli masyarakat di atas kerjasama, penglibatan serta komitmen yang diberikan dalam penubuhan Klinik 1 Malaysia

Untuk makluman, Klinik 1 Malaysia diwujudkan di kawasan bandar sahaja bertujuan memudahkan masyarakat berpendapatan rendah di kawasan bandar mendapat akses perkhidmatan kesihatan. Bagi kawasan luar bandar Kementerian telah menyediakan kemudahan kesihatan seperti Klinik

Kesihatan dan Klinik Desa. Sehingga kini terdapat 80 Klinik 1 Malaysia di seluruh negara dan di Sarawak, terdapat 7 buah Klinik 1 Malaysia iaitu 3 buah di Sibu, 2 buah di Kuching dan setiap 1 di Miri dan Bintulu. Bagi tahun 2012, Kementerian bercadang untuk menambah 3 buah lagi Klinik 1 Malaysia di Sarawak iaitu 2 buah di Miri dan 1 di Kuching.

Tuan Yang Di-Pertua

Perkhidmatan di Klinik 1 Malaysia yang disediakan adalah perkhidmatan kuratif seperti perkhidmatan rawatan ringan seperti demam, batuk, demam selesema dan penyakit ringan yang lain serta prosedur rawatan ringan seperti mencuci luka dan membuka jahitan.

Berbeza dengan Klinik kesihatan seperti Klinik Kesihatan Tekajong dan Klinik Kesihatan Brait, Klinik 1 Malaysia tidak memberikan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Oleh yang demikian, isu menaiktaraf Klinik Kesihatan Tekajong dan Klinik Kesihatan Brait menjadi Klinik 1 Malaysia tidak timbul kerana sememangnya perkhidmatan kesihatan di kedua-dua fasiliti ini adalah lebih komprehensif. Walau bagaimanapun, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menaiktaraf perkhidmatan di kedua-dua Klinik kesihatan ini dengan perkhidmatan pegawai perubatan yang melawat 1-2 kali sebulan dan merancang untuk menambahkan lagi perjawatan bagi kategori Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan.

Bagi permohonan penubuhan Klinik 1 Malaysia di Pekan Jakar, pihak Kementerian mendapati lokasi ini kurang sesuai memandangkan telah terdapat 1 Klinik Kesihatan dan 2 Klinik Desa yang memberi perkhidmatan kepada 7,000 penduduk dengan jarak 7-1 Okm dari Pekan Jakar iaitu:

- a) Klinik Kesehatan Sarikei terletak 10 km dari Pekan Jakar.
- b) Klinik Desa Sungai Rusa terletak 9 km dari Pekan Jakar dan
- c) Klinik Desa Bayong yang terletak 7 km dari Pekan Jakar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA NO
SOAL
AN:1()****DARIPADA Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD****(PULAI)
LISAN****PERTANYAAN****TARIKH 10.11.2011**

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD [PULAI] mmta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional penubuhan Jawatankuasa Perolehan dalam Kementerian Kewangan. Jelaskan peranan dan kuasa jawatankuasa ini ke atas agensi milik Kementerian. Jelaskan juga sama ada syarikat milik Khazanah Nasional perlu merujuk sebarang perolehan mereka kepada jawatankuasa ini

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (1) [JPMK I] dan Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (2) [JPMK II] bukanlah satu perkara baru. Sebelum ini Kementerian Kewangan telah menubuhkan Jawatankuasa Tender Menteri (JKTM) dan Jawatankuasa Tender Timbalan Menteri (JKTTM). Fungsi dan peranan JKTM dan JKTTM adalah sama dengan peranan JPMK I dan JPMK II iaitu untuk mempertimbang tender yang dirujuk ke Kementerian Kewangan dan juga ke atas perkara-perkara lain berkaitan perolehan Kerajaan yang memerlukan keputusan Kementerian Kewangan. Penubuhan jawatankuasa ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan yang memberi penekanan kepada akauntabiliti, ketelusan, saingan terbuka, *best value for*

money serta adil dan saksama. Selaras dengan perkembangan semasa, JKTM dan JKTTM telah dibubarkan dan diwujudkan JPMK.

2. JPMK diberi kuasa untuk mempertimbang dan memutuskan tender kerja/bekalan/perkhidmatan yang melebihi had nilai kuasa agensi Kerajaan. Di samping itu, JPMK juga berperanan untuk mempertimbang dan memutuskan keputusan Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan yang tidak selari dengan keputusan Lembaga Perolehan berkaitan dan juga permohonan pengecualian daripada peraturan perolehan yang berkuat kuasa serta isu-isu berkaitan dengan Pentadbiran Kontrak yang di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

3. Syarikat milik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) juga boleh merujuk perolehan mereka kepada Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

TARIKH 10 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Dato' Mohd Jidin bin Shafee (Setiu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan mengenai jumlah mak nyah yang terdapat di negara ini dan

apakah program-program yang dilaksanakan bagi membimbing golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius akan corak kehidupan sebahagian kecil rakyat Malaysia yang mengamalkan gaya hidup sebagai mak nyah. Setakat ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM) tidak mempunyai statistik sebenar mengenai bilangan mak nyah di Malaysia kerana kebanyakan daripada golongan ini tidak mendedahkan identiti sebenar diri mereka.

Walau bagaimanapun, mengikut Bengkel Konsensus Kebangsaan '*Estimation and Projection of the HIV*' yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan dengan bantuan pakar daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 26-29 Mei 2009, *Expert Group Opinion on Estimation of Most at Risk Populations* (MARPs) menganggarkan terdapat seramai 5,000 orang mak nyah di Malaysia.

Sehingga kini, KPWKM telah mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS). Pusat ini ditubuhkan secara perintis di

JAWAPAN:

kawasan berisiko tinggi di bandar raya Kuala Lumpur. Pengendalian PBKS dilaksanakan secara perkongsian bijak (*smart partnership*) dengan sebuah pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) serta kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi melengkapkan perkhidmatan sosial kepada golongan ini. Pada tahun 2010, seramai 528 orang mak nyah telah berdaftar dan menerima perkhidmatan daripada PBKS.

Tujuan penubuhan pusat ini adalah untuk membantu tiga golongan yang berisiko dijangkiti HIV/AIDS iaitu orang yang hidup dengan HIV/AIDS (ODHA), pekerja seks wanita dan mak nyah. Dalam hal ini, PBKS menyediakan tiga bentuk perkhidmatan utama iaitu tempat singgah (*drop-in*), jangkauan (*outreach*), kaunseling serta khidmat rujukan. Perkhidmatan ini menekankan kepada:

- aspek agama;
- pendidikan;
- latihan kemahiran;
- pencegahan;
- rawatan kesihatan;

- nasihat undang-undang;

sumbangan pil vitamin;

penjagaan; dan

bantuan khidmat sokongan sosial seperti: o isu

pekerjaan;

o menolong dalam proses mendapatkan dokumen pengenalan diri

kepada yang tidak ada pengenalan diri; dan o juga penempatan di

institusi kebajikan sekiranya ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHONG CHIEN JEN

[BANDAR KUCHING]

TARIKH 10 NOVEMBER 2011

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Stampin sejak tahun 2008 dan jumlah yang diperuntukkan untuk projek masing-masing. Apakah kadar persiapan projek-projek masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

SOALAN NO. 14

Sejak tahun 2008, sebanyak 29 projek dilaksanakan di bawah RMK-9 dan 17 projek dilaksanakan di bawah RP-1 RMK-10 di Parlimen Bandar Kuching. Bagi projek di Parlimen Stampin pula, sebanyak 21 projek dilaksanakan di bawah RMK-9 dan 17 projek dilaksanakan di bawah RP-1 RMK-10.

Status pelaksanaan projek di Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Status Pelaksanaan Projek di Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin

Parlimen	Tempoh Rancangan	Siling Peruntukan (RM)	Jumlah Projek	Status Pelaksanaan*	
				Slap Sepenuhnya	Dalam Pelaksanaan
Parlimen Bandar Kuching	RMK-9	160,261,093	29	20	9
	RP-1 RMK-10	372,892,891	17	2	15
Parlimen Stampin	RMK-9	25,788,370	21	19	2
	RP-1 RMK-10	63,636,315	17	2	15

*Berdasarkan SPP II pada 2 November 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN DATO' ISMAIL BIN

DARIPADA

KASIM 10 NOVEMBER 2011

TARIKH

(KHAMIS) NO. 40

SOALAN

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mewujudkan lebih banyak lagi Kolej Komuniti di kawasan luar bandar seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedar bahawa negara bukan sahaja memerlukan modal insan berilmu tinggi tetapi juga berkemahiran tinggi. Seperti kita sedia maklum, negara perlu meningkatkan peratusan tenaga kerja berkemahiran tinggi dari 23% kepada 37% menjelang tahun 2015. Justeru itu, usaha mengarus perdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional atau TEVT merupakan langkah yang sangat tepat yang telah diambil oleh Kerajaan. Bagi penubuhan kolej komuniti, Kerajaan akan sentiasa menambah bilangannya dari semasa kesemasa berdasarkan keperluan setempat dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN

SAID [Pengerang]

TARIKH

10 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

41

Datuk Azalina Binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan apakah terdapat sebarang perancangan dan kajian untuk menyatakan pendaftaran nombor plat kenderaan dengan menggunakan nama sendiri atau mengikut kehendak kereta seperti yang dipraktikkan di Negara luar seperti di Britain dan Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya bercadang untuk melaksanakan pendaftaran nombor plat kenderaan dengan menggunakan nama peribadi. Pelaksanaannya kelak adalah melalui projek pembangunan semula sistem pengkomputeran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang

dijangka bermula pada akhir tahun 2012. Pelaksanaan nombor pendaftaran peribadi ini akan memberi kemudahan kepada pemilik kenderaan untuk memiliki nombor pendaftaran peribadi sepertimana yang diamalkan di negara-negara lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

NO SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH (DUNGUN)
TARIKH	10.11.2011 (KHAMIS)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah jumlah angkatan tentera dalam negara dan mampukah angkatan tentera yang ada bersedia mempertahankan negara sekiranya berlaku ancaman.

|

SOALAN N0.43

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri daripada Angkatan Tetap (*Regular Forces*) dengan tiga cabang perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Begitu juga dengan Angkatan Simpanan (*Reserved Forces*). Dalam pada itu, konsep pertahanan menyeluruh (HANRUH) berkait dengan usaha yang total dan bersepadu yang dilaksanakan oleh Kerajaan, agensi bukan Kerajaan, sektor swasta dan rakyat jelata dalam mempertahankan Negara. Pemeliharaan keutuhan dan kedaulatan Malaysia memerlukan komitmen semua lapisan rakyat, dan tidak hanya oleh Angkatan Tentera. Sungguhpun tugas mempertahankan Negara merupakan tanggungjawab pasukan keselamatan, kewajipan untuk memastikan bahawa pasukan berkenaan mampu menghadapi cabaran adalah tanggungjawab nasional.

JAWAPAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]
TARIKH 10 NOVEMBER 2011

SOALAN:

TUAN HEE LOY SIAN minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) adakah Kerajaan berhasrat untuk menerima wakil-wakil NGO seperti Pengerusi BERSIH Dato' Ambiga Sreenivasan turut menganggotai Jawatankuasa Pemilih Parlimen (*Parliamentary Select Committee*) yang membawa reformasi dalam sistem pilihan raya yang bersih dan adil; dan
- (b) adakah Jawatankuasa Pemilih Parlimen akan menerima 8 perkara yang dituntut oleh BERSIH 2.0 dan berapa tempoh yang akan diambil oleh PAC untuk menyelesaikan tugasnya.

SOALAN N0.43

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengemukakan usul bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah terdiri daripada sembilan (9) Ahli Dewan Rakyat seperti yang berikut:

- (i) lima (5) anggota daripada Barisan Nasional (termasuk seorang Menteri sebagai Pengerusi);
- (ii) tiga (3) anggota daripada pembangkang; dan
- (iii) satu (1) anggota selain anggota daripada Barisan Nasional atau pembangkang (Bebas),

dan usul tersebut telah pun dipersetujui oleh semua pihak yang hadir dalam dewan yang mulia ini pada 3 Oktober 2011.

Oleh yang demikian, buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk melantik wakil-wakil NGO menganggotai *Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya* ini.

SOALAN N0.3

Berhubung dengan Tuntutan lapan (8) Perkara “**BERSIH 2.0**” yang terdiri daripada;

- (i) SPR perlu melaksanakan Pembersihan Daftar Pemilih;
- (ii) SPR Perlu melaksanakan Pembaharuan Sistem Undi Pos;
- (iii) SPR perlu melaksanakan Penggunaan Dakwat Kekal;
- (iv) SPR perlu memperuntukkan Tempoh Berkempen Tidak Kurang dari 21 hari;
- (v) SPR perlu menjamin adanya Akses Media Yang Bebas dan Adil;
- (vi) Memperkukuhkan Institusi Awam;
- (vii) Memberhentikan Amalan Rasuah; dan
- (viii) Memberhentikan Amalan Politik Kotor,

SPR telah menjelaskan bahawa hanya **empat (4)** Perkara sahaja yang mempunyai perkaitan secara langsung dengan bidang tugas SPR, iaitu Perkara **(i) sehingga (iv)** sahaja, manakala Perkara **(v) hingga (viii)** bukan termasuk di dalam bidang kuasa SPR.

Keempat-empat Perkara tersebut telahpun diambil maklum oleh SPR untuk dikaji dan dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh “**BERSIH 2.0**” dalam tuntutan mereka bukan perkara baru kerana ia juga sering dibangkitkan di dalam Mesyuarat Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara oleh Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat secara sah di sisi

SOALAN N0.4

Perlembagaan.

Malah, tanpa tuntutan-tuntutan tersebut pun, perkara-perkara ini telah lama dan senantiasa menjadi fokus SPR dalam melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja untuk membersihkan bahkan untuk memberdaya (*to empower*) serta merekayasa (*to re-engineer*) sistem pengurusan dan operasi pilihan raya di Malaysia.

Walau bagaimanapun, untuk berlaku adil kepada SPR dan pihak-pihak yang mempertikaikan peranan SPR, dan sejajar dengan semangat demokrasi, Kerajaan telah tampil mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai ruang dan peluang kepada pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan proses pilihan raya di negara ini bermuhasabah dan menyampaikan suara hati nurani (*conscience*) mereka melalui wakil-wakil mereka yang dilantik bagi membincangkan dan mengkaji cadangan dan saranan berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya bagi di Malaysia.

Sekian, terima kasih.